

BERITA HARIAN – KHAMIS, 30/12/2021

M/S : 18

JPN terima 3 permohonan daftar kelahiran luar negara

Putrajaya: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menerima permohonan tiga wanita mendaftar kelahiran luar negara pagi semalam.

Bagi kakitangan bank di Cyberjaya, Myra Eliza Mohd Daili, 30, beliau melahirkan anak perempuan lapan tahun lalu di Zambia ketika menzahirah ke luarga suaminya.

Beliau berkata, selepas pulang ke tanah air beliau berurusan selama lapan tahun dengan pelbagai cara bagi mendapatkan taraf kerakyatan anaknya, termasuk memfaikan permohonan di mahkamah.

"Kami semua berhadapan banyak kekangan dari segi pendidikan anak-anak yang tidak mendapat keistimewaan kerana tidak mempunyai kad pengenalan untuk belajar, termasuk berhadapan kos tinggi setiap tahun bagi memperbaharui visa dan pasport."

"Kami berharap kerajaan dapat menyemak semula undang-undang berkenaan perkahwinan membabitkan wanita Malaysia dengan warga asing di luar negara supaya ia diberikan setaraf kepada rakyat lelaki warganegara yang berkahwin dengan warga asing," katanya.

Mahkamah Rayuan sebelum ini menolak permohonan kerajaan untuk menangguhkan perintah Mahkamah Tinggi berhubung isu kerakyatan anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, sementara menunggu keputusan rayuan.

Panel tiga hakim yang diketuai Hakim Datuk Seri Kamaludin Md Said dalam keputusan sebut lat suara berkata, mahkamah tidak diyakinkan terdapat keadaan khas untuk Mahkamah Rayuan membenarkan penangguhan yang dimohon oleh kerajaan.

Seorang lagi ibu, Vimala Devi Muniappan, 48, berkata dia memohon selama 17 tahun untuk mendaftar kewarganegaraan anak lelakinya yang lahir di Perancis.

Katanya, beliau berkahwin dengan warganegara Perancis dan tinggal di sana sejak 1998 dan pulang ke tanah air pada 2019.

Ketika di Perancis, beliau pernah berhubung dengan Kedutaan Malaysia untuk memohon daftar kelahiran anak, namun gagal.

"Selepas pulang ke tanah air saya juga pernah membuat permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri, namun sehingga kini masih belum menerima jawapan," katanya.